

Ikhtiar BN Johor untuk Kestabilan Masa Depan



1 Matlamat Utama, 5 Ikhtiar, 5 Tahun.



Undilah Barisan Nasional



Ikhtiar BN Johor adalah ikhtiar untuk semua Bangsa Johor. Marilah kita bersama-sama memakmurkan Johor Darul Takzim dengan ekonomi yang maju, perniagaan yang bercambah, infrastruktur yang moden dan kualiti hidup yang terbaik.

Ingatlah,
Johor harus tetap jadi Johor.

Sudah tiba masanya untuk kita menentukan masa depan yang stabil buat negeri ini dan bangsanya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Hasni', with a long horizontal stroke extending to the right and a small flourish at the end.

Dato' Haji Hasni Mohammad

Pengerusi Barisan Nasional Johor



Kestabilan
Masa Depan

Pencapaian Utama Negeri Johor Sejak Mac 2020

dipimpin oleh
YAB Dato' Haji Hasni Mohammad

Pertama, untuk menangani impak COVID-19,

Johor telah melaksanakan tiga Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor yang berjumlah **RM491 juta yang memanfaatkan 1.4 juta penerima**.



Ketiga, Johor mempunyai pembangunan sosio-ekonomi yang komprehensif

melalui tiga wilayah pembangunan ekonomi iaitu Iskandar Malaysia, *East Coast Economic Region (ECER)* dan yang terbaru *Indonesia - Malaysia - Thailand Growth Triangle (IMT-GT)*.



Kedua, untuk memulihkan ekonomi negeri,

Ibrahim Johor Economic Council (IJEK) telah ditubuhkan yang dianggotai oleh ahli-ahli ekonomi dan kapten-kapten industri.




Keempat, Johor telah menggarap ekonomi masa hadapan

melalui dua impetus ekonomi iaitu Agenda Keselamatan Makanan dan Agenda Johor Digital.

Bagi **Agenda Keselamatan Makanan**, Johor telah menerima peruntukan terbanyak daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM34.5 juta melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Ia digunakan untuk memperkemas infrastruktur dan membangun potensi sektor pertanian negeri.

Johor juga bakal menjadi pengeluar utama produk tenusu negara melalui **Projek Pembangunan Lembah Tenusu Jemaluang (JDV)** dengan kerjasama *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC).

Melalui **Agenda Johor Digital** pula, Kerajaan Negeri telah memohon lesen Bank Digital daripada Bank Negara Malaysia. Jika ianya diluluskan, usaha membudaya cara hidup digital akan lebih mudah dan pantas. Iskandar Malaysia juga akan menjadi Zon Dron dan Robotik dengan kerjasama *Iskandar Investment Berhad* (IIB). Ia bakal menarik pelaburan bernilai RM315 juta dan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan dalam industri dron dan robotik menjelang 2025.



Kelima, Johor sentiasa mengangkat budaya politik bermuafakat

dengan peruntukan sama rata kepada semua ADUN, tidak kira perbezaan pendapat dan pegangan politik.



Matlamat Utama:

Johor sebagai negeri yang makmur didukung oleh naratif politik baharu yang matang lagi stabil.

**Ikhtiar 1:
Kemajuan Ekonomi**

**Ikhtiar 2:
Kesejahteraan
Rakyat**

**Ikhtiar 3:
Orang Muda
Johor**

**Ikhtiar 4:
Pentadbiran
Berintegriti**

**Ikhtiar 5:
Reformasi Politik**





**Bagi mencapai Matlamat Utama,
Barisan Nasional Johor akan melaksanakan
5 Ikhtiar dalam masa 5 Tahun.**

Ikhtiar 1: **Kemajuan Ekonomi**

Dalam masa 5 tahun,

BN Johor akan mengembalikan kehebatan ekonomi Johor yang pernah menjadi penyumbang tertinggi kepada keseluruhan pelaburan Malaysia.

Ketidakstabilan politik dan pandemik ini juga telah membantutkan kemajuan dan prestasi ekonomi negeri yang dahulu pernah disegani.





Sumber : The Edge Markets

Oleh itu, menerusi **Johor Berdaya Saing**, kita akan:

Membangunkan sosio-ekonomi semua daerah di Johor berteraskan potensi dan kearifan setempat,

antaranya seperti:

- Muar sebagai Hub Perabot Negara.
- *Maharani Energy Gateway.*
- Membangunkan *Batu Pahat Barter Trade Port.*
- Menjadikan Johor Bahru sebagai sebuah pusat perdagangan bertaraf antarabangsa melalui pembangunan *Ibrahim International Business District (IIBD).*

Memacu pemulihan ekonomi Johor melalui tiga impetus ekonomi iaitu:

- **Pertama, Johor sebagai Lembah Digital Selatan** melalui pelaburan dalam bidang ekonomi digital dan ekonomi kreatif.
- **Kedua, Johor sebagai Hab Agromakanan Malaysia** melalui pelaburan dalam sektor pertanian dan penternakan moden.

Oleh itu, sebuah **Pasar Borong Digital (*Digital Wholesale Market*)** akan diwujudkan di Johor.

- **Ketiga, Johor akan merencanakan semula pelaburan baharu bagi Sektor Minyak dan Gas** termasuk industri sokongannya.

**Mengurangkan
karenah birokrasi** di
peringkat Pihak
Berkuasa Tempatan.

**Menyegerakan
pembukaan
sempadan** di antara
Johor – Singapura
demi menyemarakkan
aktiviti ekonomi rentas
sempadan.

**Mempermudah
urusan pelaburan ke
Johor** melalui *Johor
Economic, Tourism
and Cultural Office*
(JETCO) di Singapura.

**Menstruktur semula
*Invest Johor*** sebagai
sebuah institusi
promosi pelaburan
Johor yang kompeten.

**Johor juga adalah satu-satunya negeri dengan tiga
wilayah pembangunan ekonomi iaitu:**

- *East Coast Economic Region* (ECER).
- *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA).
- *Indonesia–Malaysia–Thailand Growth Triangle* (IMT-GT).



**Ketiga-tiga wilayah pembangunan ini akan
digembleng dengan strategik untuk memulih dan
memajukan sosio-ekonomi Bangsa Johor.**



Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) amat terkesan dengan pandemik COVID-19. Tambahan lagi, PKS Johor memerlukan tujuhan dana dan pelbagai sokongan untuk meneruskan perusahaan mereka. Oleh itu,

BN Johor menerusi
Johor Niaga
akan melaksanakan inisiatif berikut:



Pinjaman tanpa faedah RM100 juta Bank Rakyat dan pelbagai bantuan kewangan tahunan.

Menggalakkan modenisasi PKS untuk beralih ke perniagaan berteraskan teknologi dan inovasi.

Menggalakkan PKS serantau seperti Singapura dan Indonesia untuk berpangkalan di Johor.



BN Johor sentiasa memastikan kemajuan ekonomi negeri dapat dinikmati bersama semua Bangsa Johor secara inklusif lagi menyeluruh.

Dalam masa 5 tahun,

kesenjangan ekonomi dan pendapatan akan dirapatkan dengan pelbagai bantuan kepada golongan sasar yang memerlukan.

Ikhtiar 2: Kesejahteraan Rakyat

Melalui **Johor Berkebajikan** kita akan:

Memastikan Johor sifar miskin tegar menjelang tahun 2025 dengan menggunakan pendekatan *Multidimensional Poverty Index (MPI)*.



BN Johor akan memberikan bantuan kewangan tahunan dan mengurangkan beban kos sara hidup dengan:

- RM150 kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah daripada keluarga berpendapatan RM3,001 hingga RM7,000.
- Menaikkan nilai bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada RM500 secara berperingkat.
- Mengurangkan kos penjagaan anak dengan memperluas taska milik Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT).
- Melaksanakan Program Anak Angkat Makmur Johor untuk anak-anak yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19.

BN Johor akan memastikan akses kesihatan menyeluruh dan nutrisi berkhasiat kepada Bangsa Johor dengan:

- Memperluas Klinik Wakaf An-Nur ke setiap daerah.
- Mewujudkan Program Makanan Berkhasiat kepada pelajar Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) yang memerlukan.

Tambahan lagi, untuk memudahkan akses kepada peranti digital bagi pelajar yang memerlukan, **BN Johor akan meneruskan bantuan pinjaman laptop kepada pelajar sekolah rendah dan menengah yang kurang berkemampuan.**





Bangsa Johor tidak harus melupakan identitinya. Seperti yang dinukilkan Sasterawan Negara Dato' Usman Awang, orang Johor sarat dengan ilmu, budi pekerti dan adabnya.

Dalam tahun-tahun mendatang, BN Johor akan mengekalkan pembawakan tersebut menerusi

Johor Berbudaya dan Berkepimpinan dengan:

Memartabat budaya dan kesenian Melayu, Cina, India dan lain-lain sebagai teras identiti Bangsa Johor.

Mewujudkan Institut Wanita Johor (IWJ) sebagai pusat pemerkasaan bakat, kepimpinan dan ekonomi golongan wanita.

Islam merupakan tunggak utama kepada kemakmuran Johor. Pada masa sama, keharmonian dan semangat toleransi antara kaum pula telah lama sebat di dalam sanubari Bangsa Johor.

Oleh yang demikian, BN Johor kekal komited untuk menegakkan

Syiar Islam dan Kemajmukan Johor

menerusi inisiatif berikut:

Memperkasa Syiar Islam dengan:

- Menaik taraf Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) ke status Kolej Universiti.
- Memperkasa institusi Tahfiz swasta di Johor melalui *Johor Tahfiz Quality Assurance* (JTQA).
- Memperkasa institusi Wakaf sebagai instrumen utama pembangunan ekonomi umat Islam melalui Pelan Pembangunan Wakaf Johor.
- Menaikkan elaun Imam, Bilal, Noja dan Siak.



Peranan Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah juga akan digiatkan bagi membangunkan potensi golongan yang kurang bernasib baik daripada komuniti Cina dan komuniti India.

Bagi mengurangkan impak COVID-19 kepada institusi keagamaan, cukai tanah nominal yang kini diberikan kepada masjid dan surau akan turut diperluas kepada rumah ibadat bukan Islam.



Kawasan **FELDA**

di Johor merupakan kawasan FELDA kedua terbesar di Malaysia. Generasi penerus FELDA harus diupayakan dalam mendepani cabaran masa depan yang rencam.

Sehubungan dengan itu, BN Johor akan memberikan tumpuan kepada:

Menyediakan sebanyak 3,200 lot generasi atau kepada semua peneroka FELDA yang memerlukan melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor sebagai usaha untuk memudahcara pembinaan Perumahan Generasi Baharu FELDA.

Menggiatkan aktiviti ekonomi di kawasan FELDA dengan memfokuskan kepada pertanian moden, eko-pelancongan dan agro-pelancongan.

Melantik wakil Kerajaan Negeri dalam Lembaga FELDA.

Meminimakan penghijrahan belia FELDA dengan menyediakan peluang pekerjaan di kawasan FELDA dan berdekatan.

Bagi memastikan tahap infrastruktur FELDA stentiasa terjaga, **penyelenggaraan jalan di kawasan FELDA akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri.**

BN Johor juga akan meningkatkan kualiti hidup
Masyarakat Desa Johor
dengan beberapa inisiatif seperti berikut:



**Menyegerakan
perluasan cakupan
internet berkelajuan
tinggi** di kawasan luar
bandar dengan
kerjasama Kerajaan
Persekutuan.

**Meneruskan Program
Ketua Kampung Digital**
bagi meningkatkan
kecekapan pentadbiran
kampung.

**Menaikkan elaun
Ketua Kampung**
di Johor.

**Kualiti hidup Masyarakat Desa Johor akan
ditingkatkan** dalam pelbagai aspek sosio-ekonomi
seperti penciptaan pekerjaan dan pemeraksanaan
modal insan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, BN Johor akan
melaksanakan **Pelan Rejuvenasi Desa Johor**
secara berperingkat.

Dalam tempoh 5 tahun, mobiliti rakyat akan lebih lancar dan ekonomi Johor akan semakin berkembang, disokong oleh

Infrastruktur Awam Johor yang terangkum dan moden.

Untuk mencapai hasrat tersebut, beberapa inisiatif akan dilaksanakan BN Johor:



Mengintegrasikan *Bus Rapid Transit (BRT)*, *Rapid Transit System (RTS)* dan *Light Rail Transit (LRT)* di bawah satu sistem pengangkutan yang tersusun dan dinamik.

Menggesa Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura. Penerusan projek ini amat penting agar *Transit Oriented Development (TOD)* dapat dilaksanakan di stesen-stesen HSR dan daerah sekitarnya.

Menyokong usaha Kerajaan Persekutuan untuk mempercepat pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan kepada 6 lorong dari Yong Peng ke Johor Bahru di dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Menyokong usaha Kerajaan Persekutuan menaik taraf Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan meneruskan usaha membina HSA 2 menerusi RMK-12 di tapak yang telah dikenal pasti.



Isu perumahan di Johor memerlukan penyelesaian yang menyeluruh. Selain daripada meneruskan inisiatif sedia ada, tadbir urus

Perumahan Johor

akan diperkukuhkan lagi dengan inisiatif utama di bawah:

Buat pertama kalinya,

Johor akan mewujudkan

Perbadanan

Kemajuan

Perumahan

Negeri Johor

untuk menyelesaikan masalah berkaitan Perumahan Johor berteraskan data dan keperluan semasa.

Memperbanyakkan rumah-rumah transit, Rumah Sewa Kerajaan dan memperluas program perumahan *Rent to Own* kepada golongan yang memerlukan terutama sekali kepada golongan belia atau Orang Muda Johor (OMJ).





Perubahan iklim memberi impak besar kepada Johor. Bagi menangani impak perubahan iklim, Johor akan menggiatkan usahanya dalam pematuhan ***Economic, Social and Governance (ESG)*** menerusi

Johor Lestari.

Maka, inisiatif besar berikut akan dilaksanakan:

Melaksanakan *Johor Green Deal* untuk memacu pertumbuhan ekonomi hijau dan kelestarian alam. Tumpuan diberikan kepada beberapa perkara:

- Tenaga bersih (*clean energy*).
- Pengangkutan dan mobiliti.
- Mitigasi bencana alam.
- Bandar rendah karbon.

BN Johor akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang dan sektor baharu, selain menggalakkan penghijrahan semula golongan profesional dari Singapura ke Johor.

Untuk tujuan tersebut,

Johor Kerja
akan:



Menawarkan 100,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang yang memfokuskan kepada pertanian moden, ekonomi digital dan ekonomi kreatif.

Menggalakkan rakyat Malaysia profesional yang berada di Singapura untuk menetap dan bekerja di Johor dengan kerjasama IRDA dan ECER.

Bangsa Johor akan diberikan peluang seluasnya untuk meningkatkan kemahiran mereka. Bagi memenuhi kehendak pasaran semasa, BN Johor akan menyediakan pelbagai program peningkatan kemahiran berteraskan ekonomi masa hadapan melalui

Johor Berkemahiran.

Antaranya adalah:



Menyokong penggiat ekonomi gig (*e-hailing dan p-hailing*) untuk meningkatkan kemahiran mereka melalui program-program khusus dan bantuan kewangan tahunan.

Membudayakan 'Ekonomi Kreatif, Ekonomi Rakyat' melalui pelbagai program sokongan dan geran tahunan.

Mewujudkan Inkubator Ekonomi Digital di Johor Bahru dan Iskandar Puteri sebagai pusat percambahan gaya hidup dan potensi ekonomi digital.

Ikhtiar 3: **Orang Muda Johor**

Golongan belia atau Orang Muda Johor (OMJ) merupakan segmen masyarakat yang paling penting bagi negeri Johor.

Oleh itu, bagi membangun potensi dan mencipta peluang kepada OMJ, BN Johor akan melaksanakan inisiatif utama berikut

Dalam masa 5 tahun:



Bagi memudahkan akses perumahan kepada OMJ, BN Johor akan:

- Mewujudkan lebih banyak rumah transit kepada OMJ yang layak dengan harga sewa yang amat berpatutan di kawasan-kawasan strategik.
- Meneruskan program perumahan *Rent to Own* kepada OMJ yang layak.

Bantuan kewangan tahunan:


- RM1,000 kepada semua OMJ yang pertama kali berkahwin dengan pendapatan bersama RM5,000 ke bawah.
- RM500 kepada semua Mahasiswa Johor dari keluarga B40.

Bagi menyokong dan memajukan perusahaan OMJ, BN Johor akan:

- Mewujudkan Geran Keusahawanan OMJ (*OMJ Entrepreneurship Fund*) khusus dalam bidang ekonomi kreatif, ekonomi digital dan pertanian moden.



BN Johor kekal komited untuk memperkasa penglibatan OMJ dalam sistem dan amalan demokrasi. Oleh itu, dalam masa lima tahun mendatang, **BN Johor akan mengangkat seorang ahli Dewan Muda Johor (DMJ) sebagai calon wakil rakyat di DUN mahupun Parlimen.**



Ikhtiar 4: **Pentadbiran Berintegriti**

BN Johor akan melaksanakan beberapa inisiatif di bawah bagi memastikan integriti dan kebertanggungjawaban jentera Kerajaan dapat dibudayakan.

Antaranya adalah:

Memudahkan urusan rakyat dengan amalan Pentadbiran Digital:

- Memastikan urusan Kerajaan dalam talian sepenuhnya pada tahun 2025 menerusi aplikasi *JohorPay*.
- Memudahkan urusan permohonan inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri menerusi satu portal interaktif.



Prestasi Kerajaan untuk Rakyat:

- Mewujudkan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk ADUN, Pegawai Utama Kerajaan Negeri dan Ketua Kampung.
- Pelaporan KPI secara umum dan berkala kepada rakyat akan dilaksanakan sekerap mungkin.

Selain itu, bagi menjamin integriti wakil-wakil rakyat Johor, setiap ADUN diwajibkan untuk mengisytiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Ikhtiar 5: **Reformasi Politik**

BN Johor akan terus memupuk naratif politik baharu yang matang bagi menjamin kestabilan masa depan rakyat dan negeri.

Atas prinsip tersebut, BN Johor akan memperkenalkan beberapa inisiatif utama dan meneruskan inisiatif reformasi politik yang ada seperti berikut:





Memperkenalkan Enakmen Anti Lompat Parti.

**Meneruskan
peruntukan tahunan
RM200,000** untuk
ADUN Kerajaan dan
Pembangkang
dengan sama rata.

**Memperkemas
sistem lantikan Ketua
Kampung**
berdasarkan merit,
prestasi dan
penerimaan ramai.


Menubuhkan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan Khas (*Select Committees*) di Dewan Undangan Negeri.

Memperluas peranan Jawatankuasa Penyelaras Khas DUN dalam konteks semasa.



Dengan mandat 2/3, persempadanan semula akan dilaksanakan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai jumlah pengundi yang ramai.

Persempadanan semula ini secara langsung dapat menyuburkan dan meningkatkan keberkesanan demokrasi di Johor.



Kita sudah tiba di satu persimpangan penting. Rakyat Johor harus memilih di antara retorik populis atau perancangan masa depan yang realis.

Kita wajar memilih

sebuah Kerajaan yang berupaya mengurus ekonomi dan membina potensi Bangsa Johor.

Kita wajar memilih

naratif politik baharu. Politik amal dan politik bakti. Bukan politik yang *disruptive*, jauh sekali ahli-ahli politik yang *cauvinis*.

Kita wajar memilih

masa depan yang stabil, masa depan yang sejahtera dan lebih terjamin buat semua. Bukan masa depan yang tidak berpijak di bumi nyata, malah berada di luar kemampuan yang ada.

Pilihan di tangan kita. Semoga dengan tekad untuk kekal berikhtiar, Johor akan menjadi lebih hebat daripada sekarang.

Kita wajar memilih Kestabilan Masa Depan.

Kita Pilih Barisan Nasional.

Dato' Haji Hasni Mohammad

Pengerusi Barisan Nasional Johor



Undilah Barisan Nasional



CATATAN



Kestabilan Masa Depan.

كستابيلن ماس دقن

A Stable Future.

稳定·前进

நிலையான
எதிர்காலம்



**IMBAS UNTUK
MAKLUMAT LANJUT**